

Jangan terpedaya dengan janji2 pembangkang — Datuk Hussein

KOTA BHARU, Selasa — Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Haji Hussein Ahmad hari ini mengingatkan rakyat Negeri Perlis jangan terpengaruh dengan janji-janji kosong parti lawan untuk memerintah negeri itu.

Katanya, sudah 18 tahun rakyat Kelantan menerima nasib malang kerana terpengaruh dengan janji-janji kosong mereka.

"Kita tidak mahu rakyat Perlis menerima nasib yang sama jika parti lawan memerintah negeri itu", ujarnya.

Berucap meraikan rombongan 40 orang ahli jawatankuasa Amalan

Makanan dan Pemakanan (AMP) Negeri Perlis yang melawat untuk melihat kejayaan pembangunan Negeri Kelantan di sini hari ini, Datuk Haji Hussein berkata:

Keinsafan

Kemajuan pembangunan yang dicapai oleh rakyat Kelantan setakat ini disebabkan keinsafan dua golongan iaitu pegawai kerajaan dan ahli-ahli politik dalam membela rakyat yang telah lama tertindas dan kecewa di bawah kerajaan parti pembangkang dulu.

Bagaimanapun, tamabahnya, pembangunan di negeri ini masih lagi belum sampai ke tahap yang dikehendaki dan kerajaan akan terus melaksanakan projek-projek pembangunan un-

tuk rakyat sehingga berjaya.

Menurutnya lagi, dalam rancangan AMP Negeri Kelantan tahun ini Kerajaan telah membelanjakan kira-kira \$64,295 untuk sembilan kampung meliputi semua jajahan dan memberi faedah kepada hampir 2,000 keluarga.

Melalui Jabatan Haiwan, katanya, 36,740 ekor ayam telah dibekalkan di bawah projek itu sebagai menambahkan hasil ternakan ayam di kalangan rakyat di kampung-kampung.

Di samping itu, pihak perikanan telah membelanjakan \$400,000 untuk rancangan pemeliharaan ikan air tawar dengan membina 125 kolam ikan di negeri ini.

Kolam

Jumlah itu termasuk 12 buah kolam ikan di bawah rancangan AMP yang dibekalkan dengan jenis ikan-ikan air tawar yang baik.

Terdahulu dari itu, Penolong Pegawai Kemajuan Negeri Perlis, Encik Hashim Sudin berkata, mereka kagum dengan kemajuan di negeri ini di bawah pimpinan Menteri Besar, Datuk Haji Mohamed Yakub bersama Timbalannya, Datuk Haji Hussein Ahmad.

Katanya jawatankuasa AMP Negeri Perlis berharap dapat bantuan dan pengetahuan tentang pelaksanaan projek AMP di negeri ini sebagai panduan mereka.

Menurutnya lagi, Negeri Perlis memperuntukkan kira-kira \$1.5 juta untuk rancangan AMP tahun ini yang melibatkan 145 buah kampung di seluruh negeri itu.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia